

Pesta Krismas UMS 2019 meriah

DE 16/12/19 3

KOTA KINABALU: Pesta Krismas Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2019 berlangsung meriah dan harmoni dengan kehadiran lebih 4,000 penonton terdiri daripada warga UMS dan masyarakat sekitar Kota Kinabalu.

Berlangsung di Dewan Kuliah Pusat UMS, di sini kelmarin, program itu dirasmikan Pembantu Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah, Jenifer Lasimbang.

Bermula pada 7.30 malam, program itu diserikan dengan pelbagai persembahan berkonsepkan sambutan Krismas.

Antaranya persembahan lagu-lagu secara koir, solo dan duet selain persembahan tarian rebana.

Turut diadakan sesi perkongsian pengalaman seorang alumni UMS yang disahkan tidak mempunyai harapan akibat kanser tulang tahap akhir namun beroleh kesembuhan yang disifatkannya suatu keajaiban.

Terdahulu, Jenifer dalam ucapannya berkata, program seumpama itu amat dialu-alukan kerana ia bukan sahaja menggalakkan kerjasama daripada pelbagai pihak, tetapi juga menjadi wadah kepada interaksi antara masyarakat majmuk yang hadir sekali gus merealisasikan suasana harmoni di kampus dan di negara ini.

“Secara umumnya, perayaan ini diraikan oleh penganut Kristian, namun ia tidak seharusnya menjadi penghalang bagi kita berkongsi kemeriahan dengan penganut agama lain.

“Ia pasti dapat mengukuhkan lagi silaturahim dalam kalangan siswa-siswi, kakitangan UMS dan masyarakat awam yang berbilang bangsa dan agama dalam



ALDUVEN (tiga kiri) menyampaikan cenderahati kepada Jenifer sambil diperhatikan oleh yang lain.

satu suasana harmoni,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr Raman Noordin berkata, tema Pengharapan pada Pesta Krismas kali ini selaras dengan konsep “UMS Kampus Rahmah, Teras Kecemerlangan dan Keunggulan” seperti yang diumumkan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Taufiq Yap Yun Hin sempena perutusan 100 harinya baru-baru ini.

“Selain menyumbang kepada semangat keharmonian dan perpaduan yang tinggi, majlis ini juga menyumbang kepada perkembangan jati diri dan kemahiran sahsiah siswa-siswi UMS.

“Justeru, pihak UMS akan terus

menyokong pelaksanaan perayaan budaya dan agama masyarakat Malaysia. Antara lain yang diraikan di UMS adalah sambutan Hari Raya, Pesta Cahaya, Pesta Tionghua dan pelbagai lagi acara lain,” katanya.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Dekan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, Prof. Madya Dr. Patricia Matanjun.

Sambutan Pesta Krismas UMS kali ke-8 itu turut dihadiri Wakil Penasihat Pesta Krismas 2019, Prof. Madya Dr. Gaim @ James Lunkapis; wakil Sabah Council of Churches, Dean Musa Ambai dan Pengarah Pesta Krismas UMS, Oscar Alduven Madius.